

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah sebenarnya yang telah menerima USD3.5 bilion yang telah dibayar oleh 1MDB memandangkan International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investment PJS telah menyatakan Aabar BVI (telah digulung dan dibubarkan dalam bulan Jun 2015) yang telah menerima wang tersebut bukan kepunyaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi transaksi pemindahan dana sebanyak USD3.5 bilion kepada syarikat Aabar Investments PJS Limited ("Aabar BVI"), pihak

pengurusan 1MDB telah mengikut segala terma dan syarat yang ditetapkan berdasarkan perjanjian yang dimeterai bersama dengan pihak pengurusan tertinggi IPIC dan Aabar Investments PJS (“Aabar Abu Dhabi”).

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, pada masa ini terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC. Justeru itu, pihak 1MDB sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion.